

Semakan kes dana SRC International

'Najib tidak diwakili ketika rayuan'

Peguam Hisyam dianggap sekadar hiasan ketika prosiding akhir

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Putrajaya: Peguam bela Datuk Seri Najib Razak dalam prosiding hari kedua semakan kes penyelewengan dana SRC International dihadapi bekas Perdana Menteri itu, semalam memberitahu bahawa keengganan Mahkamah Persekutuan membenarkan peguam, Datuk Hisyam Teh Poh Teik menanggung prosiding rayuan akhir pada Ogos tahun lalu, menjadikan Hisyam sekadar 'hiasan' pada prosiding itu.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dalam hujahnya berkata, ia menyebabkan rayuan akhir itu dijalankan dalam keadaan Najib diwakili secara paksa, sekali gus tidak mendapat perbicaraan yang adil.

Peguam senior itu berkata, anak guam beliau sebenarnya tidak diwakili peguam ketika dalam usaha terakhir untuk mengetepikan sabitan serta hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta yang dikenakan ke atas Najib selepas didapati bersalah menyeleweng dana SRC.

Muhammad Shafee berkata, Najib bukan saja tidak dibenarkan mendapat penangguhan, malah Hisyam terpaksa kekal di mahkamah dan mewakili Najib walaupun selepas dua kali permohonan untuk menarik diri susulan daripada itu.

"Saya bukan bermaksud untuk tidak menghormati Tuan Haji Hisyam tetapi ketika rayuan akhir itu, beliau menjadi peguam yang tidak efektif kerana tidak bersedia... ini sendiri diakui sendiri olehnya.

"Malah, perkara itu sudah dinyatakan oleh beliau pada 16 Ogos tahun lalu ketika hari pertama pendengaran bahawa jika penangguhan tidak dibenarkan, beliau akan menarik diri. kemudian pada 18 Ogos, penangguhan tidak dibenarkan, jadi beliau mohon untuk menarik diri.



Najib tiba di Mahkamah Persekutuan untuk prosiding hari kedua semakan semula kes penyelewengan dana SRC International, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

"Beliau bagaimanapun tidak dibenarkan menarik diri ketika itu, dan Najib pula tidak boleh melantik peguam (lain). Ketika prosiding, beliau (Hisyam) hanya 'hiasan', sekadar ilusi dan tidak mengikut peruntukan undang-undang," katanya.

Pada hari kedua rayuan akhir terbabit tahun lalu, panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan Tun Tengku Maimun Tuan Mat, menolak per-

mohonan Hisyam untuk menarik diri selepas mendapati peguam itu gagal memberikan alasan mencukupi.

Tengku Maimun dalam keputusannya berkata, mahkamah ada kuasa budi bicara untuk menolak permohonan peguam untuk menarik diri daripada mewakili anak guamnya dalam keadaan di mana tindakan penarikan diri itu boleh mengganggu kecekapan dan fungsi mahkamah.

Hisyam sebelum itu memohon menarik diri daripada mewakili Najib jika penangguhan prosiding tidak dibenarkan, dan merayu supaya diberikan masa yang wajar untuk mengkaji serta melakukan persiapan sebelum mengemukakan hujahan rayuan.

Kesilapan sangat besar

Sementara itu, Muhammad Shafee berkata, keputusan Mahkamah Persekutuan itu yang tidak membenarkan penangguhan adalah satu kesilapan sangat besar yang mewajarkan Najib mengemukakan permohonan semakan untuk mengetepikan sabitan dan hukuman terhadapnya.

Beliau berkata, apa yang berlaku pada prosiding berkenaan adalah bertentangan dengan asas perbicaraan yang adil dan tindakan diambil panel ketika itu adalah sesuatu yang tidak wajar.

Katanya, tidak dinafikan peguam sering meminta penangguhan dan mahkamah mungku tidak berpuas hati, namun untul meneruskan kes dalam keadaan peguam tidak bersedia atau menarik diri bukanlah cara yang terbaik untuk menanganinya.